



# **SOLAT & PEMBENTUKAN PERSONALITI DIRI MUSLIM**

---

**DR MOHD SUHARDI BIN MAT JUSOH  
PENSYARAH PUSAT SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

---



# PENGENALAN

1

Solat sebenarnya menjaga kesihatan zahir pelakunya serta menjaga kesihatan iman seseorang melalui perhubungan hati seseorang dengan Allah SWT.

2

Dalam aspek pembentukan personaliti dan akhlak mulia pula, solat amat berperanan untuk menghindarkan seseorang yang sentiasa menunaikannya daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang tergolong dalam istilah *fahsya'* dan *mungkar*

3

Solat merupakan satu bentuk kemudahan penyucian jiwa yang paling utama kerana perbuatan solat yang terdiri sujud, ruku', dan bacaan zikir adalah proses penyucian jiwa (*tazkiyah*) dari sikap sombong terhadap Allah S.W.T.

4

Kesempurnaan menunaikan solat hanya dapat dicapai oleh seseorang sekiranya adab-adab zahir dan batin dipelajari dan dihayati sepenuhnya semasa dia mendirikan solat.

- 1 Tanpa mengerjakan solat, tidak ada sesiapa yang dapat menuju Allah SWT kerana solat itu adalah kemuncak dalam proses menuju Allah bagi orang - orang mukmin.
- 2 Solat itu tangga menuju Allah SWT.
- 3 Solat itu adalah satu amanat yang diletakkan kepada manusia oleh Allah SWT dan satu cara perhubungan rahsia antara hamba dengan Tuhan-Nya.
- 4 Solat merupakan makanan yang pertama kepada iman.

**Sabda Nabi S.A.W yang berikut ;**

**“ Perbezaan antara orang kafir dengan orang beriman ialah mengerjakan solat “**

---

# KEDUDUKAN & FUNGSI SOLAT



# WAKTU SOLAT DAPAT DIKETAHUI DENGAN 3 CARA

1

Ilmu yang yakin iaitu berdasarkan dalil yang dapat dilihat seperti melihat matahari terbenam dalam laut.

2

*Ijtihad* iaitu berdasarkan dalil-dalil yang zanni ( iaitu yang tidak diyakini tetapi lebih berat kepada betul ) yang mempunyai *dalalah* ( petunjuk ) secara tidak langsung seperti bayang – banyang dan qias kepada sesuatu kerja yang dilakukan dan tempoh masanya.

3

*Taqlid*. Apabila seseorang tidak mampu mengetahuinya melalui ilmu yang yakin dan ijtihad seperti mereka yang jahil tentang waktu- waktu solat dan perkara yang menunjukkannya, maka hendaklah dia bertaqlid sama ada kepada orang yang mengetahuinya melalui dalil – dalil yang dapat dirasa ( dilihat ) atau kepada mujtahid yang berpegang kepada dalil – dalil *zanni*.

# WAKTU SOLAT

1

Subuh ; Waktunya dari terbit fajar sidik hingga terbit matahari

2

Zuhur ; waktunya bila condong matahari dari pertengahan langit dan akhirnya apabila bayangan sesuatu telah sama dengannya.

3


'Asar ; Waktunya ketika bayang-bayang sesuatu benda lebih panjang daripada objeknya berakhir apabila tenggelam matahari.

4

Mahgrib ; Waktunya bermula dari terbenam matahari sampai hilangnya kemerah-merahan pada malam hari.

5

Isya' ; Waktunya mulai dari hilang cahaya kemerah-merahan ditepi langit hingga terbit fajar sidik.



**“ Dan dirikanlah solat ( wahai Muhammad, engkau dan umat mu ), pada dua bahagian siang ( pagi dan petang ), dan pada waktu – waktu yang berhampiran dengannya daripada waktu malam. Sesungguhnya amal – amal kebajikan ( terutama ) solat itu menghapuskan kejahatan.” (Hud:114)**

# ADAB-ADAB ZAHIR SOLAT & PENYEMPURNAANNYA

## 1 AZAN

Azan merupakan lafaz khusus yang disyariatkan oleh Islam untuk menyatakan masuknya waktu solat fardhu dan untuk menyeru orang – orang Islam supaya berkumpul mengerjakannya.

## 2 BERSUCI

Bersuci mengikut istilah Syara' adalah perbuatan yang apabila dilakukan akan mengharuskan solat didirikan atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan hukum solat seperti berwudhu' kepada sesiapa yang tidak berada dalam keadaan berwuduk, mandi kepada sesiapa yang diwajibkan mandi dan menghilangkan najis daripada pakaian, badan dan tempat. Perlakuan ini memberi isyarat bahawa wudhu' merupakan persediaan penting untuk mendirikan solat iaitu diwajibkan wudhu' sebelum mendirikan solat bagi melepaskan ingatan dari urusan dunia.

## 3 MENUTUP AURAT

Merupakan syarat sah solat dan aurat pada pengertian syara' adalah semua perkara yang wajib ditutup dan haram melihatnya. Perihal menutup aurat bukanlah sekadar menutup semua jenis keburukan tubuh dari pandangan makhluk secara zahirnya malah menutup aurat terhadap keburukan – keburukan batin yang tidak dapat dilihat oleh manusia adalah lebih utama dan dinilai di sisi Allah S.W.T.

## 4 MENGHADAP KIBLAT

Menghadap kiblat bermakna seseorang menghadap wajahnya hanya ke arah Baitullah sahaja sebagai syarat sah solatnya. Dari sudut batinnya pula ialah seseorang yang mendirikan solat dituntut agar memalingkan hatinya dari segala perkara yang sia- sia, tumpuannya hanyalah kepada Allah S.W.T. semata- mata.

# ADAB-ADAB ZAHIR SOLAT & PENYEMPURNAANNYA

## 5 BERDIRI TEGAK & LURUS

Perihal berdiri tegak dan lurus merupakan gambaran diri dan hati seseorang yang sedang berdiri di hadapan Allah S.W.T.

Perletakan kepalanya di tanah ( tempat sujud ) dari tempat yang tinggi melambangkan kewajiban hatinya untuk *tawadu'* (merendahkan diri) agar terhindar dari sifat keangkuhan diri.

## 6 NIAT

Mengikhlaskan niatnya hanya untuk mendapatkan reda Allah S.W.T. semata – mata seiring dengan mengharapkan pahala-Nya, rasa takut terhadap seksa-Nya serta mendekatkan diri hanya kepada-Nya. Oleh itu, dia akan menyempurnakan solatnya dengan menghindari perkara- perkara yang boleh membatalkan solatnya.

## 7 TAKBIR

Kesempurnaannya terhasil apabila ucapan takbir yang diucapkan oleh lisannya selari dengan gerak hatinya iaitu dia beriltizam dalam hatinya bahawa tidak ada sesuatu yang lebih besar dari Allah S.W.T. Seandai takbirnya itu tidak selari dengan kebulatan hatinya, maka seseorang itu dianggap berdusta sekali pun apa yang dilafazkannya adalah benar

## 8 DOA IFTITAH

Misalnya ketika mengucapkan “ *berlaku lurus sebagai seorang muslim* “ maka hendaklah terdetik di dalam hati bahawa seorang muslim adalah orang-orang yang terselamat dari lidahnya dan tangannya. Begitu juga, apabila mengatakan “ *dan aku tidak termasuk dalam kalangan orang- orang musyrik* ” maka hendaklah tertanam bahawa tidak pernah hadir di dalam hatinya kesyirikan yang tersembunyi iaitu riya'. Seterusnya, ketika mengucapkan “ *hidup ku dan mati ku untuk Allah S.W.T.*” maka semestinya tertanam di dalam hati bahawa dia sendiri tidak memiliki dirinya bahkan dirinya adalah milik tuan-Nya iaitu Allah S.W.T.

# ADAB-ADAB ZAHIR SOLAT & PENYEMPURNAANNYA

## 9

## MEMBACA AL-QURAN

Mengenai membaca al-Quran, hendaklah dia menghadirkan di dalam hatinya kelembutan Allah S.W.T. sehingga timbulnya suatu harapan hanya kepada-Nya dan dia hendaklah membangkitkan di dalam hatinya rasa *ta'zim* (mengagungkan) dan takut ketika membacanya. Orang yang membaca al-Quran di dalam solat itu terbahagi kepada tiga golongan.

- 1- Orang yang lidahnya bergerak sementara hatinya lalai.
- 2- Orang yang lidahnya bergerak dan hatinya mengikut lidahnya, maka hatinya memahami dan mendengar dari lidahnya sendiri, seakan –akan dia mendengar dari bacaan orang lain.
- 3- Orang yang hatinya terlebih dahulu sampai kepada makna-makna ayat, kemudian lidahnya membantu hatinya untuk menjelaskannya.

Oleh itu, keberkesanan membaca mana – mana surah dan ayat khususnya surah al-Fatihah sebagai satu rukun solat dapat dipraktikkan dengan mengikut cara yang kedua atau ketiga. Surah al-Fatihah merupakan rukun *qawliyyah* dan kesempurnaan membacanya dapat dilakukan dengan memerhatikan beberapa hikmah yang terkandung di dalam surah ini iaitu;

- Menunjukkan Ihsan Allah
- Janji baik dan buruk
- Tauhid dan Ibadat
- Jalan lurus
- Mengikut ( berpandu ) contoh- contoh yang baik
- Menjauhi yang sesat

# ADAB-ADAB ZAHIR SOLAT & PENYEMPURNAANNYA

10

## RUKU' & SUJUD

Menundukkan dirinya dengan melakukan ruku', serta mengaku kehinaan diri di hadapan Allah S.W.T. Seterusnya, hendaklah dia bertasbih dan bersaksi keagungan Allah S.W.T.

Seterusnya, tasbih tersebut sentiasa diulangi agar hatinya menjadi kuat. Setelah itu, ketika dia bangkit dari ruku', hendaklah dia mengharapkan bahawa Allah S.W.T. akan mengasihi dirinya.

11

## TASYAHHUD

Melakukannya dengan penuh adab dan kesopanan agar selawat yang terkandung di dalamnya adalah semata-mata kerana Allah S.W.T. Seterusnya, hendaklah dia menghadirkan di dalam hatinya kemuliaan Nabi S.A.W. dan peribadi baginda. agar salam yang diucapkannya sampai kepada Nabi dan Baginda S.A.W. akan menjawabnya. Kemudian dia hendaklah memberi salam kepada dirinya sendiri dan seluruh hamba Allah yang soleh dengan berharap bahawa Allah S.W.T. akan memberikan keselamatan sebanyak – banyaknya kepada para hambanya yang soleh.

Akhirnya, dia hendaklah berdoa di akhir solat dengan doa *ma'thur* dengan perasaan yang tawadu', khusyu' dan pengharapan yang tulus ikhlas agar solatnya dimakbulkan di sisi Allah S.W.T.

# ADAB-ADAB BATIN SOLAT

## 1 KEHADIRAN HATI

Kehadiran hati adalah merujuk kepada keadaan seseorang untuk mengosongkan sepenuhnya hatinya dari segala sesuatu yang boleh memalingkan perbuatan serta ucapannya di dalam solat.

## 2 KEFAHAMAN

Mengenai kefahaman, ia merupakan pengetahuan hati seseorang terhadap makna ayat-ayat al-Quran yang diucapkan semasa solat.

## 3 PENGHORMATAN

Mengenai penghormatan. Penghormatan merupakan *ta'zim* (pengagungan) dan ia sebagai pelengkap kepada makna kehadiran hati dan kefahaman di dalam solat.

## 4 HAIBAH

Haibah lahir sebagai suatu perasaan dalam diri seseorang berikutan dari rasa takutnya kepada Allah S.W.T. berlandaskan rasa hormat diri dan pemuliaan dirinya terhadap Allah S.W.T.

## 5 PENGHARAPAN

Pengharapan adalah suatu keadaan di mana seseorang yang mendirikan solat mengharapkan balasan pahala dari Allah S.W.T. sebagaimana dia takut akan seksa-Nya di atas kelalaian dirinya mengabaikan solat.

## 6 MALU

Rasa malu merupakan suatu perasaan yang merasakan dirinya serba kekurangan dan penuh dengan kelemahan dalam memenuhi hak-hak Allah S.W.T. bahkan dirinya selalu mengerjakan dosa. Selanjutnya, rasa malu ini akan semakin bertambah kuat lagi sekiranya seseorang mengetahui akan kecacatan diri dan bahayanya.


Secara nyata, hasil dari penyucian jiwa melalui penunaian solat yang sempurna, akan menampakkan hasilnya dalam bentuk adab yang baik dalam berhubung dengan Allah S.W.T. dan sesama manusia.



Terhadap Allah S.W.T. adalah hati menjadi kuat dengan tauhid, keikhlasan, kesabaran, kesyukuran, rasa takut, harapan, jujur kepada Allah S.W.T., cinta kepada-Nya.




Penghayatan solat yang sempurna akan melahirkan nilai – nilai murni yang akan menjadi dominan untuk pembinaan masyarakat yang berakhlak dan bermoral tinggi.



# PENUTUP

***“ Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah S.W.T telah membuat perumpamaan kalimah yang baik seperti pokok yang baik, akarnya teguh dan cabangnya ( menjulang ) ke langit, pokok itu memberikan buahnya pada setiap musim dengan izin Tuhannya “  
( Ibrahim ; 24- 25 )***

---



# CIRI-CIRI IMAM & BILAL YANG SEMPURNA

*DR MOHAMAD HILMI BIN MAD SAID  
DEKAN PUSAT SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG*



# PENGENALAN

---

**1**

Tajuk ini membincangkan adab dan etika seorang Imam dan Bilal yang terbaik. Ia berdasarkan apa yang dinyatakan melalui al-Quran dan al-Sunnah nabi Muhammad SAW.

**2**

Kertas kerja ringkas ini mengandungi 3 bahagian. Bahagian 1, membincangkan perihal berkaitan Imam, Makmum dan solat berjemaah. Bahagian 2, tanggungjawab Imam dan bilal dan bahagian terakhir, etika Imam dan Bilal menurut Islam.

## Definisi Imam Dan Jama'ah.

### Definisi Imam

- ✓ Imam adalah seorang pemimpin. Beliau adalah individu yang dilantik sebagai pemimpin bagi memimpin jemaah ketika melakukan ibadah solat atau amal kebaikan.
- ✓ Orang yang layak menjadi Imam ialah orang yang baik bacaan al-Qur'annya dan tiada keraguan dalam bacaan tersebut. Beliau juga mestilah berpengetahuan luas tentang agama, lebih awal berhijrah yang bermaksud lebih berumur dan berpengetahuan yang lebih mendalam tentang agama Islam.

### Definisi Jama'ah.

- ✓ Sebahagian ulama mengatakan hukum berjemaah, fardu ain manakala sebahagian yang lain pula mengatakan fardu kifayah. Disamping itu ada sesetengahnya pula berpendapat sunat muakkad dan inilah pendapat Imam Syafi'i r.a yang bermaksud "Solat berjemaah itu lebih Afdal (bagus) daripada solat berseorangan dengan kadar 27 darjah (pangkat).
- ✓ Masih mendapat pahala berjemaah bila makmum dapat mengikut imam sebelum imam memberi salam. Namun makmum yang mengikut dari mula-mula mendapat ganjaran lebih banyak daripada makmum yang mengikut kemudian.
- ✓ Imam hendaklah meringkaskan solat kecuali sekiranya makmumnya hanya terdiri daripada golongan yang sedikit bilangannya dan mereka reda.

## BAHAGIAN 1

# PERIHAL BERKAITAN IMAM, MAKMUM DAN SOLAT BERJEMAAH



# HUKUM SOLAT BERJEMAAH

- I. Fardhu Kifayah bagi solat 5 waktu.
- II. Wajib bagi solat jumaat.
- III. Sebahagian ulama mengatakan fardhu ain .
- IV. Imam Syafi'i, Hanafi dan Maliki berpendapat berjemaah ketika solat fardhu adalah sunat muakkad bagi semua orang lelaki yang berakal dan mampu melakukan tanpa sebarang kesulitan.
- V. Tidak wajib ke atas orang perempuan, kanak-kanak orang sakit dan sebagainya.
- VI. Bagi lelaki lebih afdal berjemaah di masjid.
- VII. Bagi perempuan lebih baik di rumah sahaja (di bilik).

# SYARAT-SYARAT SOLAT BERJEMAAH

1

Makmum hendaklah berniat mengikut imam.

2

Makmum perlu mengikut pekerjaan imam dan tidak boleh mendahului imam.

3

Melakukan segala perbuatan imam.

4

Makmum jangan terlambat sampai 2 rukun fi'li daripada imam.

5

Tempat solat makmum tidak boleh terkehadapan daripada imam.

6

Hendaklah sama solat dengan imam.

---

# ADAB & TUGAS IMAM SEBELUM SOLAT

- ✓ Imam hendaklah dalam keadaan bersuci.
- ✓ Imam hendaklah datang ke masjid setelah azan dikumandangkan (afdhal).
- ✓ Imam hendaklah segera memulakan solat apabila berjemaah telah ramai. Jika jemaah tidak ramai, imam hendaklah menunggu seketika.
- ✓ Imam hendaklah mempunyai keikhlasan yang sempurna terhadap para makmumnya.
- ✓ Imam hendaklah melihat kiri dan kanan saf untuk memastikan kesempurnaan sebelum mengangkat takbir. Jika makmumnya seorang sahaja, imam hendaklah menyuruh makmum itu berdiri di sebelah kanan imam.
- ✓ Dilarang seseorang menjadi imam jika di belakangnya ada orang yang lebih pandai dan utama kecuali orang itu menolak. Jika berlaku demikian, maka bolehlah dia maju menjadi imam dan (dengan syarat) dia mengetahui syarat-syarat imam ada pada dirinya, ketika itu makruh menolaknya.
- ✓ Hendaklah imam menjaga waktu solat dan solat pada awal waktu bagi mendapat keredaan Allah s.w.t kerana kelebihan solat pada awal waktu seperti kelebihan akhirat atas dunia.




# ADAB IMAM KETIKA SOLAT

- Hendaklah mengeraskan sedikit suara ketika membaca takbiratulihram supaya makmum dapat mengetahui bahawa imam telah memulakan solat.
- Imam hendaklah diam seketika setelah membaca takbiratulihram sebelum membaca al-Fatihah. Ini bertujuan untuk memberi masa kepada makmum untuk memulakan solatnya sebelum imam membaca al-Fatihah di samping membaca doa iftitah.
- Imam hendaklah mensirkan (memperlahankan) bacaan ta'awuz iaitu bacaan (auzu billah).
- Imam hendaklah menjaharkan (menguatkan) bacaan al-fatihah, ta'min (mengaminkan) dan surah pada rakaat pertama dan kedua dalam solat jahar dan mensirkan pada solat sir.
- Imam hendaklah memanjangkan surah pada rakaat pertama dan memendekkan surah pada rakaat kedua.



# ADAB IMAM KETIKA SOLAT

- Imam hendaklah melaksanakan rukun solat itu dengan tenang dan tertib, supaya makmum dapat melaksanakan solat dengan sempurna.
- Imam hendaklah berusaha seboleh yang mungkin untuk meneladani cara Rasulullah mengimami para sahabatnya dalam solat. Antaranya ialah memerhati para jemaah, agar dia dapat mengetahui kadar bacaan surah yang akan dibacanya dalam solat itu.
- Janganlah imam merosakkan sendi-sendi utama dalam solat, seperti meninggalkan tamakninah, perkara yang sunat dalam solat kerana hendak mengejar masa.
- Imam hendaklah menunggu jemaah berdiri terlebih dahulu sebelum membaca al-fatihah pada rakaat selanjutnya.
- Imam hendaklah berdiri seketika (sekurang-kurangnya sekadar bernafas dalam satu nafas) selepas membaca al-Fatihah dan selepas membaca surah

- 
- Imam hendaklah menghadap kiblat, sekadar membaca 3 kali istighfar dan sekadar membaca zikir yang dituntut membacanya, sebelum merubah letak kakinya.
  - Jika tidak terus keluar, imam hendaklah berpaling ke arah makmum dengan menghadap pipi kanannya atau pipi kirinya dan tetap menghadap ke arah makmum sekadar lama menanti jemaah wanita keluar.
  - Setelah itu, imam hendaklah bangun dan mengerjakan solat sunat di tempat lain.



# ADAB IMAM SELEPAS SOLAT



# ADAB MAKMUM SEBELUM SOLAT

✓ Sebelum solat dilakukan, makmum hendaklah membaca tasbih, tahmid dan istighfar sebanyak sepuluh kali.

✓ Kemudian membaca doa berikut:

رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّي أَنْ يَحْضُرُونِ.

“Wahai tuhanku, aku berlindung kepada-Mu dari godaan syaitan dan aku berlindung kepada-Mu wahai Tuhanku dari kehadiran syaitan-syaitan itu!”

✓ Makmum hendaklah berdiri setelah bilal atau muazdzin mengucapkan:

قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ.

✓ Makmum hendaklah berdiri dengan tenang dan apabila telah berdiri hendaklah membaca:

اللَّهُمَّ عَنِّي أَفْضَلَ مَا بُوتِي عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ.

“Wahai Tuhanku, limpahkanlah kepadaku seutama-utama yang Engkau limpahkan kepada para hamba-Mu yang soleh-soleh.”

✓ Makmum hendaklah memenuhi saf hadapan dahulu sebelum membuat saf yang berikutnya. Saf yang baru hendaklah dimulakan dari tengah.

# ADAB MAKMUM DALAM SOLAT

- ❑ Makmum hendaklah membaca takbiratul ihram setelah nyata bahawa imam telah selesai mengucapkan takbirnya.
  
  - ❑ Makmum hendaklah mendengar segala bacaan imam yang dijaharkan dan para makmum hendaklah membaca al-fatihah di dalam hatinya mengiringi bacaan al-Fatihah imam.
  
  - ❑ Makmum hendaklah membaca amin bersama-sama imam dan jangan mendahului imam.
  
  - ❑ Makmum hendaklah mengerjakan rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud dan berdiri untuk melakukan solat rakaat berikutnya setelah imam sempurna mengerjakannya atau sesudah imam selesai membaca takbir intiqalnya.
  
  - ❑ Hendaklah makmum menyuarakan takbir intiqal dengan perlahan.
  
  - ❑ Makmum hendaklah memberi peringatan kepada imam jika imam terlupa ayat atau surah yang hendak dibacanya mengikut cara-cara yang dibenarkan oleh syarak.
-

# ADAB MAKMUM SELEPAS SOLAT



a) Makmum dikehendaki untuk duduk seketika dan membaca zikir, tasbeeh dan tahmid.

b) Janganlah makmum berdiri sebelum imam bangkit dari duduknya. Hal ini telah ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabda baginda yang bermaksud:

“Bahawasanya aku ini adalah imam kamu kerana itulah jangan kamu mendahului aku melakukan rukuk, sujud, berdiri dan berpaling. Kerana sesungguhnya aku melihat kamu dari hadapan dan dari belakangku, kemudian Rasulullah bersabda: “Demi tuhan yang jiwaku di tangan-Nya, sekiranya kamu melihat apa yang aku lihat tentulah kamu sedikit tertawa dan banyak menangis!”



# SUSUNAN SAF DARI BARISAN HADAPAN

Sekiranya jemaah itu terdiri daripada beberapa kumpulan, maka saf itu hendaklah diatur seperti:-


- a) Imam
- b) Makmum lebih dewasa.
- c) Kanak-kanak lelaki.
- d) Kanak-kanak perempuan.
- e) Perempuan dewasa.

- a) Apabila seorang imam solat dengan seorang makmum, makmum berada dibelakang imam sebelah kanan.
- b) Apabila datang seorang makmum yang lain, makmum tersebut hendaklah berada di sebelah kiri imam. Imam perlu ke hadapan dan makmum merapatkan saf.
- c) Kedudukan kanak-kanak yang belum baligh ketika tiada orang dewasa, maka kedudukannya sama seperti orang dewasa.
- d) Jama'ah perempuan yang bersolat di belakang lelaki, maka perempuan itu hendaklah berada di belakang jama'ah dan ke kiri sedikit.
- e) Makruh bagi lelaki berada di belakang saf perempuan manakala makruh juga perempuan berada di sebelah kiri dan kanan imam.
- f) Jika seorang makmum sahaja, makruh baginya apabila ia berada di belakang sebelah kiri imam.
- g) Makruh juga apabila semua makmum berada di sebelah kiri dan di sebelah kanan sahaja.
- h) Apabila seorang makmum perempuan sahaja, maka perempuan itu perlu berada di sebelah kiri sedikit di belakang imam.

***Diriwayatkan sebuah hadis daripada Rasulullah SAW mafhumnya:  
"Rasullullah SAW mengatur saf lelaki di depan saf kanak-kanak dan saf perempuan di belakang saf kanak-kanak". (Riwayat Muslim).***

# SUSUNAN MAKMUM






# KELEBIHAN BERJEMAAH


- a) Pahala solat Jama'ah - 27 kali ganda berbanding solat berseorangan.
- b) Setiap langkah untuk pergi berjama'ah akan mendapat kebaikan dan kenaikan darjat.
- c) Merupakan cahaya orang Islam pada Hari Akhirat.  
Sabda Rasulullah S.A.W bermaksud:  
"Gembirakanlah orang yang berjalan di dalam gelap menuju ke masjid dengan cahaya yang sempurna pada Hari Akhirat"
- d) Selain solat Jumaat, yang paling dituntut ialah solat subuh, diikuti isyak dan asar.
- e) Solat Asar sangat dituntut berjama'ah kerana ia adalah solat al-Wusta (pertengahan).  
Daripada Uthman bin Affan r.a bahawa Rasulullah S.A.W bersabda dengan maksud:  
"Sesiapa yang sembahyang Isyak berjama'ah, seolah-olah dia telah bangun bersembahyang separuh malam, dan siapa yang sembahyang subuh berjama'ah, seolah-olah dia telah bangun bersembahyang pada keseluruhan malam"

# HIKMAH SOLAT BERJEMAAH

- 
- Mewujudkan rasa kemesraan, berkenal-kenalan, kerjasama antara umat Islam.
  - Melatih diri supaya berdisiplin dan cintakan ketaatan kepada perkara-perkara yang makruf.
  - Al-Durr al-Mukhtar menjelaskan bahawa dengan solat berjama'ah dapat mewujudkan rasa persahabatan dan orang yang jahil tentang agama boleh belajar dengan orang yang alim.

## BAHAGIAN 2

# TANGGUNGJAWAB SERTA TUGAS IMAM DAN BILAL



Berikut adalah antara tanggungjawab dan senarai tugas Imam sesuatu masjid:

1. Menjadi Pegawai Syarie dalam kariah masjid itu dan mengimamkan solat fardhu dan apa-apa solat berjemaah lain di masjid itu;
2. Mengetuai urusan fardu kifayah ke atas jenazah orang Islam yang mati di kariah masjid itu sehingga sempurna dikebumikan;
3. Membaca khutbah Jumaat dan khutbah Hari Raya;
4. Memberikan nasihat dan tunjuk ajar dalam perkara-perkara tentang agama Islam kepada anak kariah masjid itu sedaya upayanya
5. Mengetuai, mengawasi dan mengatur pengajaran agama Islam di kalangan anak-anak kariah masjid itu;
6. Membimbing bilal, siak dan anak kariah masjid itu dalam menjalankan tugas-tugas Imam;
7. Menghadiri tiap-tiap mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu.
8. Menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Jabatan Agama Islam

## BAHAGIAN 3

Ilmu berkaitan prinsip-prinsip akhlak atau moral yang menjadi pegangan setiap individu. Berasaskan al-Quran dan al-Hadis juga disebut akhlak.

Etika Umum Imam Dan Bilal

1. Ikhlas
  2. Wara'
  3. Berpakaian bersih
  4. Berdisiplin disukai Jemaah
  5. Berilmu
  6. Rajin
  7. Kreatif berdakwah
- 

# ETIKA IMAM & BILAL MENURUT ISLAM





# ETIKA IMAM

Adab Imam, menurut Imam al-Ghazali “Jadilah orang yang menjiwai iman dan hidayah”

## 1. Meringankan solat .

Anas berkata “Aku tidak pernah solat dibelakang Imam dengan solat yang lebih ringan daripada solat Rasulullah saw.

## 2. Tidak bertakbir sebelum Muazzin selesai iqamah dan sebelum maklum meluruskan saf.

Sunnat bagi Imam tidak bertakbir melain muzaain telah iqamat dan lurus saf-saf makmum. Sunnat Imam peringatkan makmum agar meluruskan saf-saf, rapatkan bahu dengan bahu dan kaki dengan kaki (samakan tumit)

## 3. Menguatkan suaranya dalam takbir.

Sunnat kuatkan suara ketika Takbiratul Ihram dan Takbir lain (Intiqalat)

## 4. Imam berniat sebagai Imam untuk mendapat keutamaan (afdhal).

Sah Imam tidak berniat Imam, namun tiada pahala berjemaah

A light blue silhouette of an imam in a kneeling prayer position, facing right with hands raised in a gesture of supplication. The text 'ETIKA IMAM' is overlaid on the silhouette in a bold, black, sans-serif font.

# ETIKA IMAM

5. Imam memperlahankan (menyembunyikan) doa iftitah dan taawuz. Tidak meninggalkan doa iftitah, taawuz dan bacaan sunnat lain
6. Imam membaca kuat surah al-fatihah pada semua rakaat subuh, dua rakaat pertama maghrib dan isyak. Begitu juga dalam solat Jumaat, Hari Raya dan Istisqa'
7. Imam diam sejenak selepas membaca al-Fatihah. Begitu juga selepas menyebut AMIN dan selepas membaca surah
8. Imam tidak menambah tasbih pada sujud dan rukuk lebih dari 3 kali. Imam disunatkan membaca semua bacaan yang disunatkan dalam solat
9. Imam tidak menambah doanya dalam tasyahhud akhir lebih daripada tasyahhud dan selawat ke atas nabi saw.
10. Semasa salam, Imam niat memberi salam pada makmum. Pastikan sebutan Assalamualaikum tepat dan betul bukan Salamualaikum
11. Imam diam setelah memberi salam kemudian mengadap mukanya kepada Jemaah. Imam tidak menoleh jika belakangnya ada wanita agar memberi peluang mereka beredar terlebih dahulu.
12. Imam tidak mengkhususkan doa untuk dirinya sendiri dalam qunut subuh. Begitu juga dalam doa selepas solat

- Memanjangkan bacaan dan zikir melebihi daripada sekurang-kurangnya sempurna kecuali bilangan Jemaah sedikit dan mereka redha bacaan dipanjangkan.
  - Makruh bagi imam memanjangkan atau menunggu dalam sesuatu rukun dengan tujuan supaya orang lain dapat mengikutinya. Walaubagaimanapun harus bahkan sunat bagi imam menunggu dalam ruku' atau tasyahhud akhir sahaja tanpa memanjangkan tunggunya itu jika dia merasakan ada orang hendak mengikutinya.
- 

# PERKARA MAKHRUH BAGI IMAM



# ETIKA BILAL (Muazzin)

---

1. Melaungkan azan bila telah masuk waktu. Hadir awal ke Masjid dan tentukan pembesar suara berfungsi dengan baik
2. Melaungkan azan dengan berwuduk. Makruh azan tanpa wuduk.
3. Muazzin disunatkan melewati iqamah selepas azan sekadar Jemaah boleh menunaikan solat sunat Qabliyah. Iqamah dengan arahan dari Imam atau berlalu satu tempoh biasa untuk solat sunat



# KESEMPURNAAN FARDHU KIFAYAH

**USTAZ MOHAMMAD FARID BIN MOHD IDRIS**  
**PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

# PENGENALAN

Setiap makhluk yang bernyawa tidak akan terlepas daripada saat menghadapi kematian.

Dalil :

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ


*“Setiap yang bernyawa pasti merasai kematian”*  
(Surah Ali Imran : Ayat 185)



## ADAB MENZIARAH PESAKIT

- 1 Tidak mengambil masa yang lama untuk menziarah.
- 2 Sentiasa memberikan kata-kata perangsang agar pesakit dapat menerima sakit itu ketentuan dan ujian daripada Allah
- 3 Berpesan kepada pesakit untuk berwasiat perkara yang baik.
- 4 Mendoakan agar orang yang sakit diberikan kesembuhan oleh Allah SWT.
- 5 Tidak mengucapkan perkara-perkara yang boleh menyakitkan hati pesakit dan waris.

# HAL EHWAL SEBELUM KEMATIAN TIBA



# HAL EHWAL SEBELUM KEMATIAN TIBA




## AMALAN BAGI ORANG YANG HAMPIR DENGAN KEMATIAN

- 1** Memperbanyak taubat dan membaca Surah Al-Ikhlâs.
- 2** Meminta dihalalkan ataupun perlu memulangkan segala hak orang lain yang berada dalam milikan.
- 3** Jangan putus asa untuk berubat
- 4** Sunat untuk berwasiat dalam beberapa perkara seperti :
  - Wasiat Taqwa kepada ahli keluarga
  - Wasiat untuk menyelesaikan hutang piutang
  - Wasiat tentang infaq dan sedekah

# TANDA-TANDA SAKIT SAKARATUL MAUT / KEADAAN NAZAK

- 1 Kedengaran bunyi seakan-akan air menggelegak dalam mulut (saat roh @ nyawa sudah tiba hingga ke kerongkong)
- 2 Nafas yang berombak dan agak laju (tercungap-cungap)
- 3 Anggota badan seperti jari kaki & tangan kelihatan pucat (menjadi kebiruan @ lebam) serta sejuk apabila dipegang.

# SAAT TIBANYA KEMATIAN





# SAAT TIBANYA KEMATIAN

## PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN KE ATAS ORANG YANG SEDANG MENGHADAPI SAKARATUL MAUT / NAZAK

- 1 Menghalakan kakinya ke arah kiblat dan kepalanya ditinggikan sedikit (seperti hendak solat dalam keadaan baring)
- 2 Mengajarkan kalimah tauhid iaitu :
 

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
TIADA TUHAN SELAIN ALLAH
- 3 Lafazkan di telinga kanan dengan jelas dan tidak tergopoh gopah sehingga pesakit dapat mengikut.
- 4 Sunat dibacakan kepada pesakit surah Yaa'sin atau surah Ar-Raa'du untuk memudahkan saat sakaratul maut.

# TANDA-TANDA ORANG YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

- 1 Hidungnya telah jatuh @ layu
- 2 Tapak jari kaki yang cenderung kebawah
- 3 Tulang belakang yang terhampar (rapat dengan permukaan lantai)
- 4 Cupung telinga yang parat debelakang
- 5 Pengesahan daripada Orang yang arif tentang mengesahkan kematian (spt Pakar Perubatan /Polis / Forensik)

# SAAT TIBANYA KEMATIAN





# SAAT TIBANYA KEMATIAN

## PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA BERLAKUNYA KEMATIAN

### PERUNDANGAN

1

Melaporkan kepada pihak berkuasa (Polis) sekiranya kematian berlaku di rumah . Apabila Kematian telah disahkan Pihak Polis akan mengeluarkan “Permit Mengubur” bagi membolehkan waris menguruskan jenazah untuk proses selanjutnya.

2

Sekiranya kematian berlaku di hospital,Pihak hospital akan bekalkan Surat Pengesahan Kematian yang telah ditandatangani oleh Pegawai Perubatan yang mengesahkan kematian. Walaubagaimanapun, bagi jenazah yang terlibat dengan kemalangan ataupun siasatan, pengesahan tidak akan diberikan selagi proses bedah siasat belum selesai.

# PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA BERLAKUNYA KEMATIAN



## SAAT TIBANYA KEMATIAN

### PERSEDIAAN PENGURUSAN

1

Memaklumkan kepada pengurusan perkuburan untuk proses pengalihan kubur.

2

Menyediakan peralatan asas pengurusan jenazah:

- Mandi Jenazah : Kapur Barus, Daun Bidara, Sugi, Sarung Tangan, Sabun Mandi, Putik Kapas, Pencungkil Gigi dan lain-lain
- Kafan Jenazah : Kain Putih, Serbuk Cendana, Kapur Barus, Air Mawar, Kapas dan lain-lain

3

Penyediaan Tempat Pengurusan Jenazah

- Ruang Mandi yang tertutup daripada pandangan orang ramai yang boleh membuka aib jenazah
- Ruang Kafan yang secukupnya bagi memudahkan proses mengafan dilakukan.

4

Menyediakan peralatan asas pengurusan jenazah:

- Mandi Jenazah : Kapur Barus, Daun Bidara, Sugi, Sarung Tangan, Sabun Mandi, Putik Kapas, Pencungkil Gigi dan lain-lain
- Kafan Jenazah : Kain Putih, Serbuk Cendana, Kapur Barus, Air Mawar, Kapas dan lain-lain.

# SAAT TIBANYA KEMATIAN

---

## PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA BERLAKUNYA KEMATIAN

4

### PERSEDIAAN PENGURUSAN

Persediaan yang melibatkan jenazah sebelum proses permandian jenazah.

- I. Apabila hendak menanggalkan pakaian jenazah, pengurus jenazah perlu memastikan bahawa aurat jenazah terpelihara daripada dilihat oleh orang ajnabi
- II. Jenazah ditempatkan di atas kain yang dilapik dibawahnya dengan plastik agar kotoran dan cecair najis yang keluar daripada jenazah tidak mengalir atau membasahi tilam yang menyebabkan bau yang tidak menyenangkan
- III. Membersihkan najis yang ada pada jenazah sewaktu saat sakaratul maut (jika ada)
- IV. Memejamkan mata jenazah jika mata tidak tertutup rapat dengan cara urutkan sedikit mata dengan menggunakan minyak. InsyaAllah akan tertutup.
- V. Rapatkan kaki jenazah.jika kaki telah keras,boleh diurutkan dengan perlahan-lahan pada sendi agar ianya dapat dirapatkan.

# SAAT TIBANYA KEMATIAN

---

## PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA BERLAKUNYA KEMATIAN

### PERSEDIAAN PENGURUSAN

Persediaan yang melibatkan jenazah sebelum proses permandian jenazah.

- VI. Merapatkan mulut dengan membuat ikatan dari atas kepala
- VII. Meletakkan tangan diatas perut seperti sedang qiyam solat.
- VIII. Meletakkan sesuatu sebagai pemberat diatas perut jenazah bagi mengelakkan perut kembung.
- IX. Membersihkan jenazah seperti daki dan kotoran yang melekat pada badan dengan menggunakan air suam.
- X. Melembutkan setiap sendi jenazah untuk memudahkan proses memandikan jenazah.

# SAAT TIBANYA KEMATIAN

## PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA BERLAKUNYA KEMATIAN

45

### PERSEDIAAN PENGURUSAN

- XI. Sediakan kelengkapan (Surah Yaasin dan Tasbih) untuk kemudahan bagi penziarah.
- XII. Menyegerakan pengurusan jenazah terutamanya jenazah yang terlibat dengan kemalangan dan lemas (kecuali yang perlu proses bedah siasat).
- XIII. Tidak harus membedah jenazah yang telah meninggal dunia melainkan sebab-sebab berikut:
- Siasatan Sebab Kematian (*postmortem*)
  - Anak didalam kandungan jenazah masih lagi hidup dan bernyawa
  - Harta yang diambil @ dicuri daripada si mati semasa hidupnya apabila dituntut oleh pemiliknya.
- XIV. Prioriti bagi Pengurus untuk menguruskan jenazah (memandi / mengafankan) adalah seperti berikut:
- Anak lelaki yang alim dan faqih dalam selok belok pengurusan jenazah dan perkara yang bergantung pada tanggungan si mati.
  - Waris ataupun ahli keluarga si mati
  - Orang-Orang yang soleh
  - Mereka yang tahu dan faqih dalam menguruskan hal ehwal pengurusan jenazah
- XV. Sekiranya Jenazah Lelaki, maka seeloknya pengurus Jenazah tersebut adalah lelaki. Begitulah juga sebaliknya.

# MEMANDIKAN JENAZAH

## KELENGKAPAN MEMANDIKAN JENAZAH

- 1 Tempat terlindung dari pandangan orang ramai (yang bukan mahram).
- 2 Tempat letak jenazah tinggi sedikit supaya tidak terpercik air bekas mandian kepada bahan jenazah.
- 3 Tiga bekas air, satu bekas boleh dimuatkan air untuk tiga kali rata pada bahan jenazah:
  - Satu bekas air untuk daun bidara yang dikisar dan ditapis
  - Satu bekas untuk air pembilas air bidara
  - Satu bekas untuk air mutlak yang dicampur sedikit kapur barus yang tidak mengubah sifat air mutlak.
- 4 Daun bidara secukupnya atau gentian daun inai :- tujuannya untuk mengkemas kulit jenazah.
- 5 Kapur barus :-tujuannya untuk mengkemas dan mewangikan kulit jenazah.
- 6 Kain basah yang mudah telus air dan tidak menampakkan warna kulit jenazah.
- 7 Sarung tangan mestilah dari kain dan getah.
- 8 Putik kapas.
- 9 Pembakar wangian seperti gaharu dan sebagainya.
- 10 Kain untuk mengelap air pada badan jenazah.
- 11 Sabun Mandi

# MEMANDIKAN JENAZAH

## PENYEDIAAN TIGA JENIS AIR

- 1 AIR DAUN BIDARA**  
Daun bidara ditumbuk atau dikisar , diperah dan ditapis airnya kemudian dicampurkan dengan air biasa dalam satu baldi untuk tiga kali rataan , tiga cekak daun diperlukan untuk tujuan ini
- 2 AIR PEMBILAS BIDARA IALAH AIR BIASA**  
Boleh juga menggunakan air paip dengan salur paip getah
- 3 AIR MUTLAK YANG DICAMPUR SEDIKIT KAPUR BARUS YANG TIDAK MENGHILANGKAN SIFAT AIR MUTLAK**  
Bancuh kapur barus dengan sedikit air kemudian masukkan air kapur sedikit demi sedikit ke dalam air di dalam baldi , apabila ada sedikit bau kapur barus sudah memadai.



# MEMANDIKAN JENAZAH

## URUSAN MEMBERSIHKAN KOTORAN DAN NAJIS JENAZAH

**1**

Di letak berbaring (terlentang) atas tempat mandian , diletak bantal dan kain basahan yang menutupi antara pusat hingga kelutut .

**2**

Bersihkan seluruh badan jenazah , celah-celah kuku , pelipatan , kelopak mata , telinga, lubang hidung dan lain-lain tempat jika perlu dengan menggunakan air dan sabun,putik kapas dan sebagainya , kemudiaan dibilas dengan air biasa (jika belum dilakukan oleh keluarganya)

**3**

Bangunkan badan jenazah (hingga duduk) ditahan badan jenazah dengan lutut pemandi dan dipegang leher jenazah dengan tangan kanan , ibu jari di belakang tengkuk .

**4**

Urutkan perut jenazah dari kanan atas ke kiri , kemudian ke bawah diulang-ulang beberapa kali untuk mengeluarkan saki baki najis .

**5**

Telentangkan jenazah , kangkangkan sedikit pehanya dan basuh najis di kemaluannya hadapan dan belakang seperti basuhan orang hidup

**6**

Diharamkan memasukkan jari ke dalam dubur jenazah melainkan ada hajat )

# MEMANDIKAN JENAZAH

## CARA MEMANDIKAN JENAZAH

- 1 Memulakan mandi dengan berniat memandikan jenazah pada ketika meratakan air pada kemaluan hadapan jenazah :-

### Kaifiat Pertama

- I. Memulakan dengan rataaan air daun bidara .
- II. Kemudian dibilas dengan air biasa .
- III. Kemudian dengan air mutlak , mula rataakan air serta dengan niat .
- IV. Diulang rataaan-rataan tersebut sebanyak 3 kali – kesemua rataaan ialah 9 kali – luaskan setiap rataaan hingga ke perut , peha dan pinggang .

### Kaifiat Kedua Terbaik ( Kata Syeikh Ramli dalam kitabnya)

- I. Mulakan dengan rataaan air bidara .
- II. Kemudian dibilas air biasa , diulang turutan ini hingga 3 kali dan kesemuanya jadi 6 kali .
- III. Kemudian diratakan dengan air mutlak serta niat pada rataaan yang pertama diulang 3 kali , jadilah kesemuanya rataaan 9 kali – inilah dikatakan mandi 9.

# MEMANDIKAN JENAZAH

## CARA MEMANDIKAN JENAZAH

- 1 Setelah selesai rata-rata pada kemaluan jenazah yakni dengan 9 kali rata maka di wudukkan jenazah dengan sempurna seperti wuduk orang yang hidup dengan niat wuduk sunat mandi .
- 2 Kemudian sambung mandi dengan meratakan air pada kepala jenazah , ditinggikan sedikit kepala jenazah supaya tidak masuk air kedalam perut jenazah, mula rata-ratakan air pada pihak kanan atas ke bawah kemudian kiri buatlah seperti pada kaifiat pertama atau kedua hingga selesai 9 kali .
- 3 Kemudian meratakan air ke badan jenazah , mula dari leher kanan hadapan , kemudian bahu dan seluruh tangan , dada , perut , punggung , peha , betis terus ke kiri boleh diratakan sekali-sekala atau terus 9 kali .
- 4 Kemudian rata-ratakan air pada pihak kanan belakang , dari leher ke kaki kemudian tapaka kaki dengan diiringkan badan jenazah , iaitu kiri ke bawah
- 5 Kemudian rata-ratakan air pada pihak kiri hadapan
- 6 Kemudian rata-ratakan air pada pihak kiri belakang
- 7 Kemudian lapkan badan jenazah sebelum kapan dilakukan supaya tidak basah kain kapan .
- 8 Kemudian dibawa jenazah ke tempat kafan dengan ditutup seluruh badan jenazah .

# KELENGKAPAN MENGGKAFAN

- 1 Kain putih tiga lapis
  - 2 Dua lapis kain pakai , kain sarung , Baju melayu , kurung atau mengkana sembahyang. (sekiranya ada kain Ihram yang digunakan ketika haji adalah lebih baik)
  - 3 Serbuk pewangi gaharu , cendana,air mawar atau lain lain
  - 4 Lima tali pengikat daripada kain kafan .
  - 5 Kapas tiga gulung atau lebih.
  - 6 Kapur Barus
  - 7 Celak
- 

# MENGGKAFAN JENAZAH

# CARA MENGGKAFAN JENAZAH

- I. Ambil kain dan koyak tepi kain kafan untuk di buat lima tali pengikat kafan jenazah .
- II. Hampar kain kafan pertama diatas umpama tikar .
- III. Taburkan serbuk wangian atau air mawar keatas kain kafan sekira sepadan dengan jenazah .
- IV. Hamparkan lapisan kain yang kedua dan taburkan seperti yang pertama .
- V. Hamparkan yang ketiga .
- VI. Letakkan kepada setiap lubang yang tersedia pada jenazah termasuk mata (Kapas yang diletakan dalamnya serbuk pewangi)
- VII. Cawatkan kapas pada dua kemaluan jenazah iaitu diletakkan kapas yang banyak di bawah punggung jenazah lalu di bawa ke hadapan dan diikat dengan umpama kain dua jengkal pada pinggang jenazah .

# MENGGKAFAN JENAZAH

# CARA MENGGKAFAN JENAZAH


- VII. Di pakaikan kain ( pada yang mahu)
  
  - VIII. Di pakaikan baju (pada yang mahu)
  
  - IX. Letakkan jenazah diatas kain kafan yang telah tersedia
  
  - X. Letakkan tangan jemazah didadanya seperti Qiyam solat
  
  - XI. Mula menutup kain kafan , mulakan dengan di sebelah kiri kemudian yang kanan
  
  - XII. Kemudian lapisan kedua dan ketiga sama seperti lapisan yang pertama .
  
  - XIII. Ikat kain kafan dengan simpulan hidup pada lima tempat:
    - (a) hujung kaki
    - (b) hujung kepala
    - (c) dada
    - (d) punggung
    - (e) lutut
  
  - VII. Letakkan simpulan pada bahagian sebelah kiri jenazah .
- 

# MENGGKAFAN JENAZAH

# SOLAT JENAZAH

## KEDUDUKAN JENAZAH DALAM SOLAT JENAZAH

- Bagi Jenazah Lelaki, kedudukan kepalanya di sebelah kiri manakala Imam akan berdiri setentang dengan kepala jenazah.
- Bagi Jenazah Perempuan pula, kedudukan kepalanya di sebelah kanan manakala imam akan berdiri setentang dengan pinggang jenazah.



# SOLAT JENAZAH

## KAIFIAT SOLAT JENAZAH

1

NIAT

i. Bagi jenazah lelaki

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةَ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

*"Aku solat atas mayat ini empat takbir fardu kifayah menjadi makmum kerana Allah taala"*

ii. Bagi jenazah perempuan

أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةَ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

*"Aku solat atas mayat ini empat takbir fardu kifayah menjadi makmum kerana Allah taala"*

## KAIFIAT SOLAT JENAZAH

2

BACAAN SURAH AL FATIHAH SELEPAS TAKBIR PERTAMA

# SOLAT JENAZAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ١  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ٢  
 الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ٣ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ٤  
 إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ٥ أَهْدِنَا  
 الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ٦ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ  
 عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ  
 وَلَا الضَّالِّينَ ٧

## KAIFIAT SOLAT JENAZAH

# SOLAT JENAZAH

3

MEMBACA PADA SELAWAT KE ATAS NABI PADA TAKBIR KEDUA

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا  
صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ.

4

MEMBACA DOA UNTUK JENAZAH PADA TAKBIR KETIGA

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ  
وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ  
وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنْقَى  
الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْ لَهُ دَارًا  
خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا  
خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَأَعِذْهُ مِنْ  
عَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ

# SOLAT JENAZAH

## KAIFIAT SOLAT JENAZAH

58

5

MEMBACA DOA PADA JENAZAH PADA TAKBIR KE-4

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ وَلَا إِخْوَانَنَا  
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا  
رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

6

MEMBERI SALAM


7

SUNAT UNTUK MEMBACAKAN DOA INI SELEPAS SELESAI  
SOLAT JENAZAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اجْعَلْ قَبْرَهُ رَوْضَةً مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبُّهُ  
وَأَنْتَ خَلَقْتَهُ، وَأَنْتَ هَدَيْتَهُ لِلْإِسْلَامِ. وَأَنْتَ قَبَضْتَ رُوحَهُ  
وَأَنْتَ أَعْلَمُ بِسِرِّهِ وَعَلَانِيَتِهِ، وَقَدْ جِئْنَاكَ رَاغِبِينَ شُفَعَاءَ لَهُ  
فَاعْفِرْ لَنَا، وَلَهُ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّحِمِينَ، وَصَلَّى اللَّهُ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ.

# CIRI-CIRI KUBUR YANG DIGALI

- Terdapat 2 jenis kubur iaitu ;
  - (a). Liang biasa
  - (b). Liang lahad (lahad tengah atau lahad tepi)



- Ukuran kubur yang sesuai ialah:
  - (a). Lebar kubur : 3-4 kaki (94 cm – 125 cm)
  - (b). Panjang kubur : melebihi 10 inci/26 cm daripada panjang jenazada atau keranda
  - (c). Kedalaman kubur : 6 kaki (187 cm) atau setinggi orang berdiri

# MENGEBUMIKAN JENAZAH

# CIRI-CIRI KUBUR YANG DIGALI

- Lebih sesuai membuat liang lahad kerana 3 keadaan:
  - (a). Pada tanah yang keras, tidak berair, dan tidak mudah runtuh.
  - (b). Jika jenazah yang tidak uzur (tidak berbau/reput) atau ada mahramnya bagi jenazah perempuan.
  - (c). Tidak mudah digali oleh binatang buas.
  
- Lebih baik jenazah di dalam keranda kerana 3 keadaan:
  - (a). Pada tanah yang tidak keras, berair, dan mudah runtuh.
  - (b). Jika jenazah yang uzur (berbau/reput), atau tiada mahramnya bagi jenazah perempuan.
  - (c). Mudah digali oleh binatang buas.
  
- Lebih afdal diperbuat liang lahad tepi pada tempat yang boleh dilakukannya iaitu dikorek kearah kiblat sekadar boleh memuatkan jenazah dalam lubang tersebut dengan penutup yang dibuat daripada papan.

# MENGEBUMIKAN JENAZAH



# TATACARA PENGEBUMIAN

- I. Sunat diusung jenazah di Tanah Perkuburan
- II. Sunat mendahulukan bahagian kepala jenazah daripada bahagian kaki jenazah
- III. Urusan Pengubumian hendaklah disegerakan sebaik sahaja selesai disolatkan.
- IV. Buka ikatan kain kafan apabila jenazah telah berada dalam liang lahad.
- V. Wajib dihadapkan muka dan tubuh badan jenazah menghadap kiblat dan bersentuhan dengan tanah ketika dalam liang lahad/keranda.
- VI. Sunat dibacakan selawat ketika meletakkan ketulan untuk menyendal jenazah dalam liang /keranda.

# MENGEBUMIKAN JENAZAH

# TATACARA PENGEBUMIAN

- VII. Sunat ditandai kubur jenazah (Batu Nisan) agar dapat tahu dimana kedudukannya selagi tidak berlebih lebihan.
- VIII. Sunat dijirus dengan air dan ditanam pokok atau diletakkan pelepah yang masih basah diatas kubur agar dapat mendoakan jenazah sentiasa. Dilarang menanam pokok yang besar hingga menyusahkan pihak pengurusan perkuburan dan mengganggu orang yang menziarahi kubur lain.
- IX. Haram bagi wanita untuk turut serta dalam urusan pengebumian sekiranya boleh mendatangkan fitnah.
- X. Diharamkan untuk membuat binaan diatas perkuburan yang diwakafkan kecuali sekiranya telah mendapat kebenaran daripada pemilik tanah wakaf tersebut.
- XI. Dilarang mengukir ayat Quran pada kepuk kubur / Batu Nisan kerana dikhuatiri boleh mencemar kesucian Ayat Quran.
- XII. Haram memijak, duduk, melangkah, berdiri dan seumpama dengannya diatas kubur milik orang lain

# MENGEBUMIKAN JENAZAH



# MENTALKINKAN JENAZAH



1

- Talkin dibaca adalah sebagai satu simbolik ucapan selamat tinggal kepada jenazah yang telah berpisah dengan saudara mara dan alam dunia untuk meneruskan perjalanan ke alam kubur.
- Bacaan talqin juga adalah sebagai satu pengajaran buat manusia yang masih hidup agar mempersiapkan amalan sebelum berakhirnya kehidupan di dunia ini.

# MENTALKINKAN JENAZAH

## 2

### Contoh Teks Bacaan Talkin

***“Bismillah hir rah man nir rahim.***

Mahasuci Tuhan yang Engkau bersifat dengan Baqa' dan Qidam, Tuhan yang berkuasa mematikan sekalian yang bernyawa, Mahasuci Tuhan yang menjadikan mati dan hidup untuk menguji siapa yang baik dan siapa yang kecewa. Mahasuci Tuhan yang menjadikan lubang kubur sebesar-besar pengajaran untuk menjadi iktibar kepada orang yang lalai, dan sebesar-besar amaran kepada orang yang masih hidup.

Ingatlah! Bahawa sekalian mahluk Allah akan hancur dan binasa, melainkan zat Allah Taala. lalah Tuhan yang Mahabesar kuasa menghukum, manakala kita sekalian akan kembali menghadap hadirat Allah Taala.

Wahai (JENAZAH) Bin (IBU JENAZAH), wahai (JENAZAH) Bin (IBU JENAZAH), wahai (JENAZAH) Bin (IBU JENAZAH), hendaklah kamu ingat akan janji-janji Allah yang mana kamu ada bawa bersama-sama dari dunia ini.

Sekarang kamu telah menuju masuk ke negeri Akhirat. Kamu telah mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, dan bahawasanya Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah.

Ingatlah wahai (JENAZAH) Bin (IBU JENAZAH), apabila datang kepada kamu 2 orang malaikat yang serupa dengan kamu iaitu Mungkar dan Nakir, maka janganlah berasa gentar dan takut, janganlah kamu berdukacita dan risau serta janganlah kamu susah-hati dan terkejut.

Ketahuiilah wahai (JENAZAH) Bin (IBU JENAZAH), bahawasanya Mungkar dan Nakir itu hamba Allah Taala, sebagaimana kamu juga hamba Allah Taala.

Apabila mereka menyuruh kamu duduk, mereka juga akan menyoal kamu. Mereka berkata:

- Siapakah Tuhan kamu?
- Siapakah Nabi kamu?
- Apakah agama kamu?
- Apakah kiblat kamu?
- Siapakah saudara kamu?
- Apakah pegangan iktikad kamu?
- Dan apakah kalimah yang kamu bawa bersama-sama kamu?

Di masa itu hendaklah kamu menjawab soalan-soalan mereka dengan cermat dan sehabis-habis terang, tepat dan betul. Janganlah berasa gementar, janganlah cuak dan janganlah bergopoh-gapah, biarlah tenang dan berhati-hati.

Hendaklah kamu jawab begini:

Allah Taala Tuhanku,  
 \Muhammad nabiku,  
 Islam agamaku,  
 kitab suci Al-Quran ikutanku,  
 Baitullah itu kiblatku, malahan solat lima waktu, puasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan mengerjakan haji diwajibkan ke atas aku. Semua orang Islam dan orang yang beriman adalah saudara aku, bahkan dari masa hidup hingga aku mati aku mengucap: "La ila ha illallah Muhammaddur rasulullah".

# MENTALKINKAN JENAZAH

## 2 Contoh Teks Bacaan Talkin

Wahai (JENAZAH) Bin (IBU JENAZAH) tetapkanlah hatimu, inilah dia suatu dugaan yang paling besar. Ingatlah bahawa kamu sekarang sedang tinggal didalam alam Barzakh, sehingga sampai satu masa kelak, kamu akan dibangunkan semua untuk berkumpul di Padang Mahsyar.

Insafilah wahai (JENAZAH) Bin (IBU JENAZAH), bahawasanya mati ini adalah benar, soalan malaikat Mungkar dan Nakir di dalam kubur ini adalah benar, bangun dari kubur kemudian kita dihidupkan semula adalah benar, berkumpul dan berhimpun di Padang Mahsyar adalah benar, dihisab dan dikira segala amalan kamu adalah benar, minum di kolam air nabi adalah benar, ada syurga dan neraka adalah benar.

Bahawasanya hari Kiamat tetap akan adanya, begitu juga Tuhan yang maha berkuasa akan membangkitkan semula orang-orang yang di dalam kubur.

Di akhirnya kami ucapkan selamat berpisah dan selamat tinggal kamu disisi Allah Taala.

Semoga Tuhan akan memberi kesejahteraan kepada kamu. Tuhan jua yang menetapkan hati kamu. Kami sekalian berdoa mudah mudahan Allah Taala menjinakkan hati kamu yang liar, dan Allah menaruh belas kasihan kepada kamu yang berdagang seorang diri di dalam kubur ini. Mudah-mudahan Tuhan akan memberi keampunan dan memaafkan kesalahan kamu serta menerima segala amal kebajikan kamu.


Ya Allah Ya Tuhan, kami merayu dan bermohon kepada Mu supaya tidak disiksa jenazah ini dengan kemegahan penghulu kami Muhammad SAW. Subhana rabbika rabbil izati amma ya sifun wassallamu alalmursalin walham dulillahi rabbil alamin.

Setiap yang bernafas, Pasti akan Mati - "Kullu nafs in za iqatul maut" "

# PENUTUP



Pengurusan jenazah adalah suatu ilmu fardu kifayah yang sepatutnya dipelajari oleh setiap individu yang bergelar muslim. Lebih-lebih lagi bagi seorang lelaki yang bakal menjadi pemimpin samaada dalam institusi keluarga mahupun pemimpin dalam peringkat masyarakat, institusi dan organisasi. Semoga dengan sedikit perkongsian ini dapat memberikan input dan ilmu yang berguna kepada semua yang mempelajarinya.



# KEPIMPINAN MENERUSI TAULADAN

**USTAZ MOHAMAD LOKMAN BIN AHMAD**  
**IMAM MASJID**  
**MASJID TENGKU AMPUAN AFZAN**



# RASULULLAH TAULADAN YANG PALING BAIK

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ

الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik." (Al-Ahzab:21)

- 1** Sebagai Pemimpin Masyarakat:  
Menamatkan permusuhan dalam masyarakat Arab Jahiliyah
  
- 2** Sebagai Pemimpin Politik:  
Menyelesaikan masalah Hajarul aswad dan lain-lain.
  
- 3** Sebagai perancang ekonomi:  
Membangunkan ekonomi Umat islam
  
- 4** Sebagai Pemimpin Ketenteraan

**Sabda Nabi S.A.W yang berikut ;**

**“ Perbezaan antara orang kafir dengan orang beriman ialah mengerjakan solat “**

# KEPIMPINAN RASULULLAH



# CIRI KEPIMPINAN RASULULLAH SAW

**1** Bertanggungjawab

**2** Jujur dan bijaksana

**3** Adil

**4** Berfikiran jauh

**5** Terbuka dalam menentukan keputusan

**6** Tegak dan tetap pendirian

**7** Mesra Rakyat

**8** Pengorbanan

# SULTAN MUHAMMAD AL-FATEH



Sabda Rasulullah S.A.W. ketika menggali parit dalam peperangan Khandaq:

***“... Konstantinopel akan jatuh ke tangan tentera-tentera Islam. Rajanya ada sebaikbaik raja, tenteranya adalah sebaik-baik tentera.”***

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

- Pada Usia yang muda telah menjadi contoh tauladan kepada orang lain.

## 1 Perbaiki Diri Terlebih Dahulu

إنما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق

Sesungguhnya aku dibangkitkan (diutus) untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.  
(Riwayat Albani)

## 2 Jangan Berhenti Belajar

العلماء ورثة الأنبياء إن الأنبياء لم يورثوا دينارا ولا درهما ولكن ورثوا العلم  
فمن أخذه أخذ بحظ وافر

Para ulama adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar ataupun dirham, tetapi mewariskan ilmu. Maka dari itu, barang siapa mengambilnya, ia telah mengambil bagian yang cukup.

## 3 Bertanggungjawab

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Ketahuiilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggung jawab atas apa yang dipimpinnya.

# CIRI PEMIMPIN YANG BAIK



# PENUTUP

*Akhir kalam, kepemimpinan bukanlah perkara mudah setakat keupayaan memberikan arahan buat itu dan ini. Ia sebenarnya ciri-ciri dalaman keperibadian diri anda sendiri yang terhasil dari disiplin dan amalan mulia yang sentiasa diterapkan sepanjang kehidupan.*



## RUJUKAN

- 1) Risalah Lengkap 'Panduan Pengurusan Jenazah' terbitan Madrasah Islamiah Jenderam Hilir
- 2) Nota Kursus Pengurusan Jenazah karangan Alfadhil Ustaz Zulkiflee Bin Abdul Hamid (Mudir
- 3) Madrasah Diniyyah Durrul Ilmi Jaya Gading, Kuantan
- 4) Al-Quran
- 5) Al-Fathani, T.th, Furu' al-Masail wa Ushul al-Wasail, Jil 1, Kaherah, Dar Ihya' Kutub al-'Arabiyah
- 6) Al-Fathani, T.th, Kasful Litham an Asalatil Anam, Jil. 1, Kaherah, Dar Ihya' Kutub al-'Arabiyah
- 7) Al-Qalyubi, T.th, Hasyiata Qalyubi wa 'Umairah 'ala Syarh al-Mahalli 'ala Minhaj al-Thalibin, Jil 1, Kaherah, Dar Ihya' Kutub al-'Arabiyah
- 8) Al-Zuhaili, 2007, al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i, Jil. 1, Cet. 1, Damsyik, Dar al-Qalam
- 9) <https://berilmu-untuk-berkhidmat.blogspot.com/2011/04/adab-imam-dan-makmum.html>
- 10) <https://berilmu-untuk-berkhidmat.blogspot.com/2011/06/azan-dan-iqamat.html>
- 11) <https://masjidsungaimerlong.blogspot.com/2012/09/tanggungjawab-dan-senarai-tugas-imam.html>
- 12) <https://www.slideshare.net/shukriyahyakagat/etika-imam-dan-bilal>